

MENJELANG LIGA MALAYSIA 2018

Red Giants dilarang guna Stadium Nasional

➔ Skuad Selangor terpaksa cari gelanggang baharu selepas cadangan ditolak FM LLP, PSM

Oleh Devinder Singh
devinder@nst.com.my

► Kuala Lumpur

Hajat pasukan Liga Super, Selangor menjadikan Stadium Nasional, Bukit Jalil sebagai gelanggang rasmi musim ini tidak kesampaian selepas ia tidak boleh digunakan.

Stadium yang mampu memuatkan kira-kira 90,000 penonton dalam satu masa itu dikatakan padat dengan aktiviti sepanjang tahun termasuk menjadi gelanggang Kejohanan Ragbi Asia.

Perkembangan berkenaan sekali memaksa skuad The Red Giants kini perlu mencari mencari gelanggang lain sebelum kempen Liga Malaysia (Liga M) 2018 menyingkap tirainya pada

3 Februari ini.

Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkata pengatur Liga M, Perkongsian Liabiliti Terhad Bola Sepak Malaysia (FM LLP) dan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) tidak bersetuju Selangor menggunakan stadium itu sepanjang tahun.

Bermain di Stadium Selayang

"Kedua-dua pihak iaitu pihak pengurusan stadium dan FM LLP sudah berusaha untuk bekerjasama bagi mengkaji perkara ini, tetapi mustahil untuk memberi jaminan bahawa stadium tersebut tersedia sepanjang tahun," kata Tunku Ismail dalam satu kenyataan menerusi akaun rasmi Facebook FAM, semalam.

"Pihak pengurusan stadium juga mengesahkan empat daripada enam perlawanan pertama Selangor sebagai tuan

rumah perlu dipinda untuk memenuhi jadual acara yang akan dilangsungkan di stadium tersebut.

"Jadi, mungkin lebih banyak lagi pindaan jika pasukan bola sepak kebangsaan atau acara antarabangsa membuat permintaan untuk menggunakan stadium nasional tersebut."

Berikutan itu, bagi mengelakkan perubahan jadual pertandingan yang lewat, Selangor dinasihatkan supaya bermain di Stadium Selayang biarpun perlawanan bakal berlangsung di sebelah petang.

"Jika terdapat perubahan jadual pertandingan berpunca dari isu ini, sudah tentu FM LLP akan dipersalahkan dan kita tidak bergerak seiringan ke arah penjadualan yang lebih stabil seperti yang saya arahkan kepada pengurusan FM LLP," kata Tunku Ismail.